


LR



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 31
No. 21

8hb Oktober 1987

**TAMBAHAN No. 32
AKTA**


Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan untuk makluman umum:

The national language text of the following revised law is hereby published for general information:

No.

Tajuk ringkas

Akta 252 .. Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 252

AKTA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN 1950-1962

(Disemak—1981)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Social and Welfare Services Lotteries Act 1950-1962* sebagaimana disemak dalam tahun 1981. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak hingga 29hb April 1981

Tarikh ditetapkan untuk mula
berkuatkuasa 15hb Ogos 1981

Tarikh disiarkan dalam *Warta* 23hb Julai 1981

Menyatukan—

- (a) Ordinan P.T.M. No. 9 Tahun 1950 yang dikanunkan dalam tahun 1950 (dicetak semula dalam tahun 1966);
- (b) Ordinan P.T.M. No. 64 Tahun 1950 yang dikanunkan dalam tahun 1950 (dicetak semula dalam tahun 1966); dan
- (c) Akta No. 21 Tahun 1962 yang dikanunkan dalam tahun 1962 (dicetak semula dalam tahun 1966).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 252****AKTA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN 1950-1962****(Disemak—1981)**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan dan pemerbadanan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Meterai biasa.
6. Pegawai dan pengkhidmat Lembaga.
7. Kuasa Lembaga menganjurkan loteri yang dibenarkan oleh Menteri.
8. Prospektus loteri hendaklah disiarkan.
9. Tiket dan judi nasib pada sesuatu loteri hanya boleh dijual, dsb., melalui Perkhidmatan Pos.
10. Hasil wang yang didapati melalui loteri.
11. Akaun am Lembaga dan pengauditan.
12. Akaun khas berkenaan dengan tiap-tiap loteri.
13. Kumpulan wang rizab.
14. Penubuhan kumpulan wang bangunan dan kumpulan wang pinjaman.
15. Loteri hendaklah dianjurkan dan ditadbirkan menurut Akta, kaedah-kaedah, perintah yang membenarkan loteri itu, dan prospektus.
16. Undang-undang pertaruhan dan perjudian lain tidak dipakai bagi loteri yang dianjurkan di bawah Akta ini.
17. Kesalahan-kesalahan.

[Susunan Seksyen]

4

AKTA 252

Seksyen

18. Penalti am.
19. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Satu.
20. Duti.
21. Orang-orang Islam dan Akta ini.
22. Kaedah-kaedah.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 252

AKTA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN 1950-1962

(Disemak—1981)

Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan, bagi memberi kuasa kepada Lembaga itu menganjurkan loteri awam bagi maksud-maksud sosial dan kebajikan dan membayar masuk kesemua jumlah wang, yang didapati melalui loteri ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, bagi mengadakan peruntukan mengenai pembayaran daripada Kumpulan Wang itu jumlah wang yang sama banyaknya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Akta, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[*Malaysia Barat—11hb Disember, 1950;*
Sabah dan Sarawak—6hb Julai 1966.]

[P. U. 300/66.]

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950-1962. Tajuk ringkas.
[Pin. Akta
21/62.]
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Lembaga” ertinya Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“loteri awam” ertinya apa jua cara permainan atau peranti dengan mana wang atau nilai wang dibahagi atau diuntukkan mengikut apa-apa cara yang

bergantung kepada atau ditentukan oleh nasib atau pengundian dan yang kepada mana orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam mempunyai atau boleh mendapat akses;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 (1) dan termasuklah mana-mana anggota Lembaga itu yang dilantik oleh Menteri untuk bertindak sebagai ganti Pengerusi pada bila-bila masa Pengerusi tidak dapat bertindak oleh sebab tidak berada di dalam negeri atau sakit atau kerana sesuatu sebab lain.

3. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga bernama “Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan” yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

(2) Bagi maksud mengadakan premisnya sendiri, Lembaga boleh, daripada kumpulan wang bangunan yang ditubuhkan di bawah seksyen 14, dan dengan kelulusan Menteri Kewangan dan tertakluk kepada apa-apa sekatan yang dikenakan oleh Menteri Kewangan, membuat kontrak, memperolehi dan memegang harta alih atau harta tak alih dan melupuskannya atau selainnya membuat apa-apa urusan mengenainya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang Lembaga daripada membina atau membeli atau selainnya memperolehi premis berlebihan daripada keperluannya dan menyewakan mana-mana bahagian premis yang berlebihan itu mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Mas. P.U.
332/58.]

penubuhan
dan pemer-
badanan
Lembaga
Loteri
Perkhidmatan
Masyarakat
dan
Kebajikan.

[Tam. Akta
84/65.]

LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

7

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada sebelas orang anggota yang dilantik oleh Menteri, yang mana seorang daripadanya hendaklah dilantik oleh Menteri sebagai Pengerusi. Keanggotaan
Lembaga.

(2) Seseorang yang dilantik menjadi anggota Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun tetapi apabila tempoh perlantikan mana-mana anggota itu tamat, maka adalah sah di sisi undang-undang bagi Menteri melantiknya semula selama tempoh selanjutnya yang tidak melebihi tiga tahun dan sesudah itu memperbaharui perlantikannya dari semasa ke semasa bagi tempoh yang sama. [Mas.
F. 30/55.]

(3) Menteri boleh membuang atau menggantung kerja mana-mana anggota Lembaga dan boleh melantik seorang lain sebagai gantinya atau sebagai ganti mana-mana anggota yang mati, bersara atau yang, pada masa itu, tidak dapat bertindak.

(4) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), apabila terdapat sesuatu kekosongan dalam Lembaga, adalah tidak perlu bagi Menteri mengisi kekosongan itu selagi bilangan anggota Lembaga tidak menjadi kurang daripada tujuh orang. [Akta 21/62, s. 3.]

(5) Lima orang anggota Lembaga boleh menjadi kuorum dalam mana-mana mesyuarat dan segala perbuatan, perkara atau benda yang dibenarkan atau dikehendaki dilakukan oleh Lembaga boleh diputuskan dengan kelebihan suara dalam mana-mana mesyuarat yang dihadiri oleh kuorum sedemikian.

(6) Pengerusi hendaklah, apabila hadir, mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat Lembaga, dan dalam masa ketidakhadirannya mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota Lembaga yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir.

(7) Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan sesuatu mesyuarat hendaklah mempunyai hak mengundi mengenai sesuatu soalan dan, sekiranya pembahagian undi didapati sama banyak, dia hendaklah juga mempunyai hak memberi undi pemutus.

(8) Segala perbuatan yang dilakukan oleh Lembaga adalah, walaupun ada apa-apa kekosongan dalam Lembaga itu atau kemudiannya didapati bahawa ada kecacatan dalam perlantikan seseorang yang dikatakan menjadi anggota Lembaga itu, sama sahnyanya seolah-olah kekosongan atau kecacatan demikian tidak wujud.

(9) Tertakluk kepada seksyen ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia prosedurnya sendiri dalam mesyuaratnya dan bagi melantik seorang Setiausaha Lembaga dan bagi mengadakan peruntukan mengenai pengambilan dan penajaan minit mesyuarat Lembaga.

Meterai
biasa.

5. (1) Meterai biasa Lembaga hendaklah mengandungi sesuatu rekabentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan Lembaga boleh dari semasa ke semasa memecah, menukar, mengubah dan membuat baru meterai itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Meterai biasa Lembaga hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan tidak boleh dicapkan pada mana-mana suratcara kecuali di hadapan Pengerusi dan dua orang anggota Lembaga yang lain, yang hendaklah menurunkan tandatangan mereka pada suratcara itu sebagai tanda kehadiran mereka dan penandatanganan itu hendaklah menjadi bukti yang memadai bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sempurna dan betul dan bahawa meterai itu adalah meterai Lembaga yang sah di sisi undang-undang.

Pegawai dan
pengkhidmat
Lembaga.

6. (1) Lembaga boleh melantik mana-mana pegawai dan pengkhidmat yang difikirkannya perlu bagi pelaksanaan wajar tugas dan fungsi Lembaga.

LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

(2) Pegawai dan pengkhidmat Lembaga boleh menerima, daripada wang yang diperolehi oleh Lembaga, apa-apa saraan dan elaun yang diluluskan oleh Menteri.

(3) Tiap-tiap anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai seorang pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan. *N.M.B. Bab 45.*

(4) Lembaga boleh, daripada kumpulan wang pinjaman yang ditubuhkan di bawah seksyen 14, memberi pinjaman kepada pegawai dan pengkhidmatnya bagi maksud membantu mereka memiliki, membina, membeli atau selainnya memperolehi rumah bagi tempat kediaman mereka atau tempat kediaman keluarga mereka; dan Lembaga boleh dapat jaminan atas pinjaman itu dengan mengenakan apa-apa terma dan syarat, termasuk menggadaijankan harta yang diperolehi itu kepada Lembaga, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan sekiranya pegawai dan pengkhidmat itu tidak dapat membayar balik pinjaman itu, Lembaga boleh tertakluk kepada budi bicara Menteri Kewangan, menghasilkan atau selainnya melupuskan gadaijanji itu. *[Tam. Akta 84/65.]*

7. (1) Tertakluk kepada Akta ini adalah sah di sisi undang-undang bagi Lembaga, anggota, pegawai dan pengkhidmatnya, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, memegang, menganjur, mengelola dan mentadbirkan apa-apa loteri awam yang Lembaga dibenarkan menganjur di bawah subseksyen (2) dan menulis, mencetak, menyiar, mengiklan, menjual atau mengedarkan tiket-tiket atau judi nasib pada mana-mana loteri itu dan melakukan segala perkara lain yang bersampingan dengan atau yang perlu bagi penganjuran atau pentadbirannya. *Kuasa Lembaga menganjurkan loteri yang dibenarkan oleh Menteri.*

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah membenarkan Lembaga menganjurkan sesuatu loteri awam. *[Pin. Akta 21/62.]*

(3) Menteri boleh, tertakluk kepada Akta ini dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, melalui sesuatu perintah mengenakan apa-apa syarat dan batasan kepada Lembaga berkenaan dengan penganjuran dan pentadbiran sesuatu loteri yang dibenarkan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*, dengan seberapa segera yang praktik selepas ianya dibuat.

(5) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan atau meminda sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.

(6) Kuasa yang diberi kepada Menteri di bawah subseksyen (3) dan (5) untuk mengenakan syarat-syarat dan batasan-batasan kepada Lembaga berkenaan dengan penganjuran dan pentadbiran sesuatu loteri di bawah Akta ini hendaklah dijalankan oleh Menteri dengan persetujuan Perbendaharaan. [Akta 21/62, s. 4.]

8. (1) Lembaga hendaklah, apabila menganjurkan sesuatu loteri di bawah Akta ini, menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta*, atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, suatu prospektus mengenai loteri itu yang hendaklah menyatakan—

- (a) hadiah yang ditawarkan baginya;
- (b) bilangan tiket atau judi nasib baginya yang ditawarkan untuk dijual dan harga serta peringkat nilai tiket atau judi nasib itu;
- (c) tarikh pembukaan dan tarikh tutup bagi jualan tiket atau judi nasib baginya;
- (d) masa, tempat dan cara di mana atau bagaimana pemenang-pemenang hadiah baginya akan ditentukan;
- (e) syarat-syarat yang tertakluk kepadanya sesuatu tiket atau judi nasib baginya akan ditawarkan

LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

11

untuk dijual dan yang menurutnya loteri itu akan dijalankan;

(f) apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Tiada apa-apa tiket atau judi nasib pada mana-mana loteri boleh dijual atau diedarkan pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh satu bulan selepas tarikh penyiaran apa-apa prospektus yang berhubungan dengannya.

9. (1) Tiada apa-apa tiket atau judi nasib pada mana-mana loteri yang dianjurkan oleh Lembaga di bawah Akta ini boleh dijual atau diedarkan melainkan bagi pihak Lembaga dan sama ada—

(a) oleh seseorang yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah Pos dan di Pejabat Pos atau melalui Agensi Pos yang ditubuhkan di bawah Akta Pejabat Pos 1947; atau

(b) oleh orang yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengerusi Lembaga dan di mana-mana tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi Lembaga melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Seseorang yang menjual atau menawarkan untuk dijual atau mengedar atau cuba mengedarkan atau membeli atau menawarkan untuk dibeli atau mendapat atau cuba mendapatkan apa-apa tiket atau judi nasib pada sesuatu loteri dengan melanggar subseksyen (1) atau yang didapati, tanpa alasan-alasan yang sah di sisi undang-undang, memiliki apa-apa tiket atau lain-lain dokumen yang memberi hak kepada mana-mana orang mendapat sesuatu judi nasib pada mana-mana loteri yang telah dibeli atau didapati dengan melanggar subseksyen itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Tiket dan judi nasib pada sesuatu loteri hanya boleh dijual, dsb., melalui Perkhidmatan Pos.

[*Gan. Ord. P.T.M. 63/51; Pin. P.U. (B) 324/70.*]
Akta 211.

Hasil wang yang didapati melalui loteri.

10. (1) Segala wang yang didapati melalui sesuatu loteri, yang prospektusnya dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, tertakluk kepada potongan-potongan yang berikut, iaitu—

- (a) amaun yang dibayar sebagai hadiah daripada loteri itu;
- (b) bayaran duti di bawah seksyen 20;
- (c) segala kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam mengajur dan mentadbirkan loteri itu;
- (d) apa-apa jumlah wang yang dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Rizab yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;
- (e) apa-apa amaun untuk perbelanjaan pentadbiran am atau lain-lain perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini, sebagaimana, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, yang difikirkannya munasabah; dan
- (f) apa-apa jumlah wang yang dibayar masuk ke dalam kumpulan wang bangunan atau kumpulan wang pinjaman yang ditubuhkan di bawah seksyen 14,

dibayar masuk ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(2) Maka pada tiap-tiap tahun hendaklah dibuat, daripada wang yang diuntukkan oleh Parlimen, bayaran, bagi maksud yang dinyatakan kemudian dari ini, yang amaun agregatnya sama banyak, membandingkan satu tahun dengan satu tahun yang lain, dengan amaun yang dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah subseksyen (1).

LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

13

(3) Jika Lembaga dibubarkan, baki Kumpulan Wang Rizab itu, selepas semua liabiliti Lembaga dibayar, hendaklah dibayar masuk ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan dan subseksyen (2) hendaklah terpakai bagi amaun yang dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan di bawah seksyen ini sebagaimana ianya terpakai bagi amaun yang dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang itu di bawah subseksyen (1).

(4) Bayaran yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh dibuat bagi maksud memberi bantuan kepada mana-mana organisasi, institusi atau badan awam, dermawan, khairat, agama atau pendidikan atau menjalankan apa-apa skim atau projek dermawan, khairat, agama atau pendidikan atau apa-apa kerja yang berfaedah pada awam, atau bagi membaiki keadaan sosial, atau bagi memajukan kebajikan awam atau mana-mana kumpulannya. [Akta 21/62, s. 5.]

11. (1) Lembaga hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan buku-buku yang hendaklah mengandungi akaun sebenar dan mengikut aturan mengenai semua terimaan, potongan dan bayaran yang dibuat oleh Lembaga, dan buku-buku tersebut hendaklah, pada bila-bila masa yang berpatutan, terbuka untuk pemeriksaan mana-mana anggota Lembaga dan juruaudit yang dilantik oleh Menteri Kewangan dan mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Menteri Kewangan untuk memeriksa buku-buku itu. [Akta 21/62; s. 6.]

Akaun am
Lembaga dan
pengauditan.
[Pin. Akta
21/62.]

(2) Akaun Lembaga hendaklah diaudit oleh juruaudit yang dilantik bagi maksud itu oleh Menteri Kewangan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun dan satu salinan apa-apa akaun yang diaudit demikian hendaklah dikemukakan oleh Lembaga kepada Menteri Kewangan yang hendaklah menyebabkan supaya akaun itu disiarkan dalam *Warta*.

Akaun khas
berkenaan
dengan
tiap-tiap
loteri.

[Pin. Akta
21/62.]

12. (1) Lembaga hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh pemenang-pemenang hadiah sesuatu loteri ditentukan, menyediakan suatu akaun lengkap berkenaan dengan loteri itu yang menunjukkan jumlahnya amaun yang didapati melaluinya, amaunnya hadiah yang dibayar berkenaan dengannya, kos, caj serta perbelanjaan dan potongan yang dibuat oleh Lembaga berkenaan dengannya.

(2) Tiap-tiap akaun sedemikian hendaklah diaudit oleh juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 11 (2) dan satu salinan akaun itu, yang diaudit sedemikian, hendaklah dikemukakan dengan serta-merta oleh Lembaga kepada Menteri Kewangan yang hendaklah menyebabkan supaya akaun itu disiarkan dalam *Warta*.

Kumpulan
wang rizab.

13. (1) Lembaga boleh menubuhkan suatu Kumpulan Wang Rizab, mengandungi apa-apa amaun yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, bagi maksud memenuhi apa-apa liabiliti masa kini, masa depan atau kontingen yang ditanggung atau yang mungkin akan ditanggung oleh Lembaga dalam masa menjalankan tugas-tugasnya di bawah Akta ini atau dalam masa menganjur atau mentadbirkan sesuatu loteri yang ianya dibenarkan atau boleh dibenarkan menganjur di bawah Akta ini, dan boleh membayar masuk ke dalam Kumpulan Wang itu dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan, daripada apa-apa jumlah wang yang diterima olehnya berkenaan dengan sesuatu loteri, sejumlah wang yang diperlukan bagi penyenggaraan Kumpulan Wang itu mengikut amaun yang diluluskan.

[Pin. Akta
21/62;
84/65.]

(2) Jika, disebabkan oleh wang dalam Kumpulan Wang Rizab itu didepositkan dalam sesuatu bank, jumlahnya amaun wang itu melebihi amaun yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, maka, melainkan jika Menteri itu mengarahkan sebaliknya, lebihan itu hendaklah dibayar masuk ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Undang-undang pertaruhan dan perjudian lain tidak dipakai bagi loteri yang dianjurkan di bawah Akta ini. [Ubah. P.U. 300166.]

16. Tiada apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan pertaruhan atau perjudian yang berkuatkuasa dalam mana-mana Negeri, dan tiada apa-apa sekatan atau larangan ke atas pengimportan barang-barang atau penghantaran benda melalui pos di Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, boleh dipakai bagi mana-mana loteri yang dianjurkan oleh Lembaga di bawah Akta ini atau bagi mana-mana tiket atau lain-lain dokumen yang dijual atau diedarkan berkaitan dengan mana-mana loteri itu oleh atau bagi pihak Lembaga.

Kesalahan-kesalahan.

17. Mana-mana orang yang—

- (a) menjual atau mengedar atau membenarkan supaya dijual atau diedar apa-apa tiket atau judi nasib pada mana-mana loteri yang dianjurkan oleh Lembaga melainkan mengikut Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya berhubungan dengan loteri itu atau mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana perintah atau prospektus yang berhubungan dengannya;
- (b) menjadi seorang ejen, pegawai atau pengkhidmat mana-mana orang tidak memperakaunkan kepada prinsipalnya tentang apa-apa jumlah wang yang diterima daripada jualan atau secara komisen atau selainya berkenaan dengan jualan atau pengedaran apa-apa tiket atau judi nasib demikian; atau
- (c) dengan niat hendak memperdaya, membuat apa-apa catatan palsu atau meninggalkan daripada membuat apa-apa catatan yang dikehendaki supaya dibuat berkenaan dengan sesuatu loteri pada mana-mana buku yang dikehendaki supaya disimpan di bawah Akta ini berkenaan dengan loteri itu.

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi

LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

17

lima ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

18. Seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada apa-apa penalti tertentu diperuntukkan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya. Penalti am.

19. Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai kuasa membicarakan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini yang dilakukan di dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah itu dan Mahkamah Sesyen boleh mengenakan penalti penuh yang diperuntukkan oleh Akta ini, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan. Bidang kuasa
Mahkamah
Sesyen dan
Mahkamah
Majistret
Kelas Satu.

20. Maka hendaklah dikenakan ke atas jumlah amaun yang didapati melalui tiap-tiap loteri yang dianjurkan oleh Lembaga di bawah seksyen 8 duti sekian peratus daripada jumlah amaun tersebut sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri Kewangan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*; duti tersebut hendaklah kena dibayar oleh Lembaga ke dalam Kumpulan Wang Persekutuan Disatukan. Duti.
[*Gan. P.T.M.*
57/56;
Akta 65.]

21. Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, atau mana-mana kaedah, peraturan atau perintah yang dibuat di bawahnya boleh disifatkan sebagai menghendaki mana-mana orang Islam melakukan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan agamanya. [Ord. P.T.M. 64/50, s. 2.] Orang-orang
Islam dan
Akta ini.

Kaedah-
kaedah.
[Pin. Akta
21/62.]

22. Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah bagi—

- (a) menetapkan apa-apa jua perkara yang dikehendaki ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;
- (b) mengawal perjalanan dan pentadbiran mana-mana loteri yang dianjurkan di bawah Akta ini termasuk jualan dan pengedaran tiket-tiket atau judi nasib, bentuk, pencetakan dan pemberian nombor siri tiket-tiket atau judi nasib itu, pencabutan hadiah-hadiah, komisen (jika ada) yang hendak dibayar atas jualan atau pengedaran tiket atau judi nasib;
- (c) menetapkan cara bagaimana akaun-akaun yang dikehendaki disimpan dan diaudit di bawah Akta ini;
- (d) menetapkan apa-apa perkara lain yang perlu bagi maksud menguatkuasakan Akta ini dan bagi maksud menjamin pengurusan mana-mana loteri yang dianjurkan di bawah Akta ini dengan jujur dan memuaskan dan penggunaan wajar kesemua wang yang didapati melalui loteri itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 252

AKTA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN
MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN 1950-1962

(Disemak—1981)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuatkuasa dari |
|-------------------------------|---|-------------------------|
| P.T.M. 64/1950 | Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Penjelasan) 1950 | 11-12-1950 |
| P.T.M. 63/1951 | Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pindaan) 1951 | 31-12-1951 |
| P.T.M. 30/1955 | Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pindaan) 1955 | 10-11-1955 |
| P.U. 113/1956 | Perintah Menteri Kewangan 1956 | 2-4-1956 |
| P.T.M. 57/1956 | Ordinan Kewangan 1956 | 7-11-1956 & 1-1-1957 |
| P.U. 332/1958... | Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubah- suaian Undang-Undang) (Ordinan dan Perisy- tiharan) 1958 | 13-11-1958 |
| Akta 21/1962 ... | Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1962 | 1-7-1962 |

[Senarai Pindaan]

| 20 | AKTA 252 | |
|----------------------------|---|-------------------|
| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuatkuasa dari |
| Akta 84/1965 ... | Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pindaan) 1965 | 9-11-1965 |
| P.U. 300/66 ... | Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan) (Negeri-Negeri Borneo) (Perluasan dan Pengubahsuaian) 1966 | 6-7-1966 |
| P.U. (B)324/70 | Nama Jawatan—Pemberitahuan | 1-1-1971 |
| Akta 65 ... | Akta Cukai Judi 1972 | 1-3-1972 |
| Akta 160 ... | Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975 | 29-8-1975 |

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

| No. | Tajuk |
|----------------------------------|---|
| Ordinan P.T.M. No. 9 Tahun 1950 | Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950. |
| Ordinan P.T.M. No. 64 Tahun 1950 | Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Penjelasan) 1950. |
| Akta No. 21 Tahun 1962 | Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1962. |